

MINIT MESYUARAT
PENYELARASAN PENGANJURAN MITI ASEAN DAY 2025
BIL.2/ 2025

Tarikh : 25 September 2025 (Khamis)
Masa : 10.00 hingga 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat APEC, Aras 13, Menara MITI
Pengerusi : Encik Azmir Musyabri Abdul Mutallib
Pengarah AKI, Seranta & Saham
Kehadiran : Senarai kehadiran seperti di **Lampiran A**

1. UCAPAN ALUAN PENERUSI

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua wakil daripada MITI dan Agensi serta merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran ke mesyuarat ini.

Makluman

- 1.2 Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:
- 1.2.1 Pengerusi memaklumkan bahawa MITI ASEAN Day 2025 dinamakan bersempena penglibatan ASEAN serta pelaksanaan beberapa program dan aktiviti berkaitan ASEAN dalam program tersebut;
- 1.2.2 Mesyuarat dimaklumkan mengenai penyertaan CIMB Bank Berhad (CIMB) sebagai rakan strategik bagi menyelaraskan dan menjayakan Program MITI ASEAN Day 2025 secara penganjuran bersama;

1.2.3 Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai perubahan pada saiz reruai MITI dan agensi-agensi yang terlibat, susulan penyertaan tambahan daripada Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang turut dijemput untuk membuka reruai; dan

1.2.4 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pengisian, penambahbaikan dan gerak kerja terkini dari setiap jawatankuasa yang terlibat bagi menjayakan program MITI ASEAN Day 2025.

Makluman

2. PENGANJURAN MITI ASEAN DAY 2025

2.1 Mesyuarat mengambil maklum pembentangan mesyuarat penyelarasan penganjuran MITI ASEAN Day 2025 Bil.2/ 2025 seperti berikut:

2.1.1 Program MITI ASEAN Day 2025 telah ditetapkan pada **7 hingga 8 November 2025 (Jumaat - Sabtu)** bermula 8.00 pagi sehingga 6.00 petang selama dua (2) hari di Menara MITI, Kuala Lumpur;

2.1.2 MITI ASEAN Day *Fun Run* akan dijalankan pada 8 Novermber 2025 iaitu pada Sabtu pagi dan selepas tamat Fun Run, majlis perasmian akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Sehubungan itu, Pengerusi memohon agar semua pempamer dapat membuka reruai lebih awal;

- 2.1.3 Terdapat 2 kategori larian yang akan dibuka kepada peserta MITI ASEAN Day *Fun Run* iaitu kategori 3KM dan 5KM. Pendaftaran bagi 3,000 peserta terawal adalah secara percuma dan selebihnya perlu dikenakan bayaran;
- 2.1.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa MARii akan menggunakan ruang legar kapsul MITI untuk mengadakan pameran motosikal;
- 2.1.5 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan beberapa cadangan pengisian pentas yang telah diberikan oleh setiap wakil Agensi;
- 2.1.6 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan senarai semak status Jawatankuasa kerja MITI ASEAN Day 2025;
- 2.1.7 Pengerusi memohon kerjasama Jawatankuasa Kata Aluan dan Dokumentasi untuk menyediakan ucapan teks perasmian bagi YAB Perdana Menteri, YB Menteri dan Ketua Setiausaha;
- 2.1.8 Pengerusi mencadangkan agar sesi cabutan bertuah dibuat secara penganjuran bersama pihak swasta. Mesyuarat bersetuju agar pihak swasta dijemput sebagai rakan kerjasama strategik MITI bagi menjayakan program ini;
- 2.1.9 Pendaftaran MITI Day 2025 akan dilaksanakan seperti tahun sebelumnya, iaitu setiap peserta diberikan satu (1) kad yang perlu dilengkapi dengan cop di setiap stesen bagi melayakkan diri menyertai cabutan bertuah dan menerima *Goodies*;

2.1.10 Makan minum Urus Setia tidak akan disediakan dan digantikan dengan kupon makanan untuk digunapakai di gerai-gerai dan kafe MITI ketika Program MITI ASEAN Day 2025; dan

2.1.11 Pengerusi memaklumkan bahawa pihak CIMB Bank sebagai rakan strategik MITI akan turut serta membuka reruai ketika MITI ASEAN Day 2025.

Makluman

3. PERBINCANGAN

3.1 Pengerusi memohon semua Agensi dan Urus Setia MITI yang terlibat untuk mengemaskini cadangan pengisian program MITI ASEAN Day 2025.

Tindakan: Semua

3.2 Pengerusi mencadangkan agar surat jemputan kepada YAB Perdana Menteri bagi mengikut acara *Fun Run* dan merasmikan Program MITI ASEAN Day 2025 dikeluarkan dalam kadar segera.

Tindakan: Urus Setia

3.3 Pengerusi memaklumkan agar semua Bahagian dan Agensi-Agensi di bawah MITI mengemukakan bahan-bahan media seperti video, poster dan sebagainya bagi tujuan promosi kepada pihak UKS, selaku Jawatankuasa Media, Komunikasi dan Promosi.

Tindakan: Semua

3.4 Pengerusi mencadangkan agar pameran kerjaya yang akan diadakan perlu memberi fokus ke arah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memberi kesedaran rakyat berkenaan kebolehpasaran graduan TVET.

Makluman

- 3.5 Pengerusi turut memaklumkan bahawa bilangan trak makanan perlu dikurangkan kepada 15 buah berbanding 20 buah pada tahun lalu, berikutan penambahan pentas mini di kawasan tersebut. Selain itu, pengerusi menggalakkan aktiviti lain di sekitar pentas trak seperti aktiviti memasak, promosi barangan jualan, kolaborasi bersama selebriti dan sebagainya. Mesyuarat bersetuju agar HDC menyelaraskan pengisian program di pentas mini.

Tindakan: HDC

- 3.6 Pengerusi memohon agar semua Bahagian dan Agensi-Agensi di bawah MITI yang mempunyai pengaruh popular untuk mengemukakan maklumat kepada pihak UKS bagi tujuan mempromosikan MITI ASEAN Day 2025.

Tindakan: Semua

- 3.7 Pengerusi mencadangkan agar pengagihan baju bagi setiap Agensi dihadkan sebanyak 20 helai sahaja, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau Ketua Pengarah setiap Agensi.

Tindakan: Semua

- 3.8 Mesyuarat mengambil maklum bahawa semua Warga MITI dan Agensi-Agensi di bawah MITI dibenarkan untuk menyertai sesi cabutan bertuah. Walau bagaimanapun, mesyuarat juga bersetuju agar sesi **cabutan bertuah** bagi **tiga hadiah utama dihadkan** kepada **orang awam sahaja**.

Makluman

- 3.9 Saiz dan kemudahan reruai pameran kerjaya adalah sama seperti tahun lepas dan Pengerusi memohon Jawatankuasa Pameran Kerjaya untuk mengemukakan maklumat lengkap berkaitan jawatan kosong yang ditawarkan seperti bilangan syarikat, bilangan kekosongan jawatan, jenis-jenis jawatan kosong dan gaji yang ditawarkan kepada pihak UKS bagi tujuan promosi.

Tindakan: JK Pameran Kerjaya

4. HAL- HAL LAIN

- 4.2 Mohon kerjasama semua Agensi yang berminat untuk membuka reruai bersempena Program WITI, boleh mengisi maklumat pada pautan yang diberikan.

Makluman

- 4.3 Pengerusi memaklumkan bahawa Urus Setia Program WITI amat menggalakkan penyertaan Agensi MITI untuk membuka reruai bagi Program WITI yang dianjurkan oleh HAWA Malaysia.

Makluman

- 4.4 Pengerusi juga memaklumkan berkaitan penganjuran program Putrajaya Festivals of Ideas (FOI) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Mesyuarat mengambil maklum bahawa MIDA akan turut terlibat dalam program tersebut.

Makluman

- 4.5 Pengerusi juga menerangkan berkaitan penganjuran Program Sambutan Tiga (3) Tahun Kerajaan MADANI (3TM) yang bakal diadakan pada bulan Disember 2025, di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Makluman

- 4.6 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan penganjuran program Hari Sukan Negara (HSN) 2025 yang akan diadakan pada 11 Oktober 2025 (Sabtu) di Stadium UKM, Bangi, Selangor. Pengerusi memohon kerjasama semua Agensi untuk menjayakan program ini.

Makluman

5. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli dan menangguhkan mesyuarat pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:

Bahagian AKI, Seranta dan Saham
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PENYELARASAN PENGANJURAN MITI DAY 2025**

MITI

1. Encik Azmir Musyabri Abdul Mutallib (Pengerusi)
Pengarah
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
2. Maria Che Mat Nawi
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Strategik
3. Puan Mulyati Afiza Mutalib
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
4. Encik Zamil Ariff Zahari
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian AKI, Seranta dan Saham
5. Puan Nadiah Aini Yusof
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan Strategik
6. Encik Muhamad Reza A.Sudirman
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
7. Encik Omar Muhamed
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran
8. Puan Aina Hamizah Mohamad Nasir
Ketua Penolong Pengarah
Sekretariat Malaysia Ekspo Dunia 2025 Osaka
9. Encik Muhammad Mustaqim Balqasim

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kewangan

Cik Nur Ainsyatul Syahira Azmi @ Kaseh Azmi
Pegawai Eksekutif MySTEP
Bahagian AKI, Seranta dan Saham

Encik Muhammad Haziq Zamri
Pegawai Tadbir
Sekretariat Malaysia Ekspo Dunia 2025 Osaka

Puan Azlinda Musa
Penolong Pegawai Tadbir (Tinggi)
Kerjasama Perdagangan dan Industri

Puan Mas Ayu Razali
Pembantu Tadbir
Bahagian AKI, Seranta dan Saham

Encik Hamzah Samsudin
Pembantu Eksekutif MySTEP
Bahagian AKI, Seranta dan Saham

MIDA

1. Puan Nursiah Ahmad Fadzil
Timbalan Pengarah Kanan
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
2. Puan Jazrina Mohd Azmir
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat MIDA
3. Puan Aziawati Ismail
Timbalan Pengarah
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
4. Puan Mak Siew Chen
Penolong Pengarah

Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

MATRADE

1. Puan Wahidayatul Aswa Yahaya
Pegawai Eksekutif E5
Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)
2. Encik Naim Safai
Pegawai Eksekutif E5
Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)

MPC

1. Puan Rosniwati Abdullah
Pegawai Ehwal Ekonomi
Malaysia Productivity Corporation (MPC)
2. Puan Athirah Ishak
Perangkawan
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

MIDF

1. Encik Kamaruzaman Omar
Pegawai Pemasaran
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

MARii

1. Encik Muhammad Imran Hakim Shabudin
Pegawai Eksekutif
Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)

MSI

1. Puan Syakirah Ibrahim
Penolong Pengurus Bahagian Perhubungan Industri

Malaysia Steel Institute (MSI)

2. Encik Hanif Omar
Pegawai Eksekutif
Malaysia Steel Institute (MSI)

SIRIM

1. Encik Tham Kok Lun
Pegawai Perunding
Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)
2. Encik Muhammad Rafiq Abdullah
Pembantu Tadbir Kanan
Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)

JSM

1. Encik Ahmad Razif Abd Rahim
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Standard Malaysia (JSM)
2. Puan Nabihah Mislan
Pegawai Penerangan
Jabatan Standard Malaysia (JSM)

HDC

1. Encik Mohd Amir Hakim Shaharidun
Komunikasi Korporat
Halal Development Corporation Berhad (HDC)

MRM

1. Encik Mohd Muhajir Mohd Jiwahir
Eksekutif Kanan
Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)
2. Puan Siti Sabrina

Pengurus
Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)

NAICO

1. Puan Noor Rulhuda Hashim
Penolong Pengurus
National Aerospace Industry Corporation (NAICO)

CREST

1. Encik Asyraf Saedon
Pengurus Strategi & Komunikasi
Collaborative Research in Engineering, Science & Technology
2. Encik Mohd Wardi Yusop
Pegawai Pasaran & Pembangunan Industri
Collaborative Research in Engineering, Science & Technology